



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

LAWATAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA KE MAJLIS
BANDARAYA SEBERANG PERAI

TARIKH / MASA / TEMPAT
14 NOVEMBER 2022 (ISNIN)
9.15 PAGI

**DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat limpah kurnia-Nya telah mengizinkan kita dapat bersama bersempena Lawatan Kerja Ketua Setiausaha Negara ke Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Terlebih dahulu, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara bersama pegawai-pegawai kanan Pejabat Ketua Setiausaha Negara ke Majlis Bandaraya Seberang Perai. Sesungguhnya kehadiran Tan Sri pada pagi ini amatlah dihargai dan dinanti-nantikan oleh warga kerja MBSP.

**Yang Berbahagia Tan Sri, Dato' Seri, Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Izinkan saya perkenalkan diri saya dan pegawai-pegawai kanan MBSP yang ada di sini terlebih dahulu. Saya, Dato' Azhar bin Haji Arshad adalah Datuk Bandar Seberang Perai dan ini merupakan tahun pertama

saya menerajui MBSP. Di sebelah kanan saya adalah Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Setiausaha Bandaraya dan yang berada dalam Dewan Kenanga ini adalah Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP.

Untuk makluman, kita baru sahaja selesai menyambut Ulangtahun Ke-3 Bandaraya Seberang Perai. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah dengan secara rasminya diisyiharkan sebagai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkuatkuasa pada 16 September 2019. Pulau Pinang adalah negeri pertama di Malaysia yang mana kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan di negeri ini bertaraf bandaraya dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di bahagian pulau manakala MBSP di seberang.

Seberang Perai berkeluasan 738.41 kilometer persegi dan MBSP adalah sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang berperanan untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan perbandaran kepada penduduk Seberang Perai. Ia juga bertanggungjawab pada kesihatan dan sanitasi awam, pengurusan dan pembuangan sampah, perancangan bandar, perlindungan dan kawalan alam sekitar, pembangunan ekonomi dan sosial, pengurusan lalu lintas dan penyelenggaraan umum bagi infrastruktur bandar. MBSP sentiasa komited untuk melaksanakan

pelbagai program untuk rakyat dan menggariskan dasar-dasar atau garis panduan yang mudah, cepat, cekap dan telus.

**Yang Berbahagia Tan Sri, Dato' Seri, Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Visi MBSP adalah “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi” dengan Misi “menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsive kepada kehendak komuniti Seberang Perai. MBSP telah merangka Pelan Strategik MBSP 2023 – 2030 yang merupakan satu kesinambungan perancangan dan pembangunan strategik daripada empat (4) Pelan Strategik Seberang Perai sejak tahun 2001. Pelan Strategi ini akan diselaraskan dengan Wawasan *Penang2030, Sustainable Development Goals* (SDG) dan juga merujuk kepada MURNInets, aduan-aduan serta maklumbalas yang diterima daripada warga Seberang Perai. Pelan Strategi yang baru akan dilancarkan pada 6 Januari 2023 dan Pelan ini akan dijadikan rujukan utama dalam merancang strategi yang merangkumi peningkatan hasil, pemerkasaan pembersihan, penguatkuasaan, bandaraya tarikan pelancongan dan bandaraya sukan.

Keutamaan pengurusan dan pentadbiran MBSP adalah untuk memastikan kecekapan dan keberkesanannya dalam penyampaian perkhidmatan di samping menjadikan kualiti dan integriti sebagai budaya kerja khasnya dan hidup kita amnya. Pematuhan kepada perundangan adalah penting untuk memastikan bahawa kita tidak lari atau tersasar dari haluan memartabatkan prinsip ABC (Amanah, Betul dan Cepat). MBSP juga mengamalkan konsep SMART dalam melaksanakan tugas harian (S- *Specific*, M- *Measurable*, A- *Achievable*, R- *Reliable*, T- *Time*) bagi memangkin Seberang Perai ke arah *liveable and aspiring city*. Pentadbiran MPSP juga meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada pendekatan *smart partnership* dalam merungkai kekuatan perkongsian jalinan kerjasama pelbagai pihak secara langsung dan tidak langsung yang memberi impak positif terhadap usaha-usaha MBSP dalam *institutional reform* dan sistem penyampaian yang pantas supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmati serta menerima manfaatnya.

**Yang Berbahagia Tan Sri, Dato' Seri, Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Saya bersama-sama Ahli-Ahli Majlis MBSP, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, pemimpin-pemimpin persatuan MBSP dan kakitangan MBSP bergerak bersama-sama senada seirama menuju ke arah

kecemerlangan Seberang Perai untuk menjadikan bandaraya Seberang Perai selesa untuk didiami, bekerja, menjadi tarikan pelaburan, bandaraya pintar dan rendah karbon.

Akhirnya, saya mewakili warga kerja MBSP ingin merakamkan ucapan ribun terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Dato' Seri KSN serta rombongan atas kesudian melawat MBSP pada hari ini. Juga ampun dan maaf bagi segala kekurangan di pihak kami. Saya dengan ini menjemput Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Setiausaha Bandaraya untuk memberikan taklimat serba sedikit tentang MBSP

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.